



## SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA) UNTUK SEMUA

### A. PENGENALAN

1. **S: Apakah Sumbangan Asas Rahmah (SARA) untuk Semua?**

J: YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa bantuan **SARA untuk Semua** sebanyak RM100 secara one-off akan disalurkan pada 9 Februari 2026 melalui MyKad kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas bagi manfaat rakyat untuk persiapan Ramadan dan sambutan Tahun Baharu Cina.

2. **S: Siapa yang layak menerima SARA untuk Semua?**

J: Kelayakan **SARA untuk Semua** adalah terhad kepada:

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Individu berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun 2026

3. **S: Adakah saya perlu memohon SARA untuk Semua?**

J: Tidak. Kelayakan **SARA untuk Semua** adalah secara automatik berdasarkan data pemegang MyKad Warganegara Malaysia pada 23 Januari 2026 daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

4. **S: Seperti diumumkan YAB Perdana Menteri, SARA 2026 juga akan diterima oleh setiap warganegara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas. Bila dan bagaimana kaedah pelaksanaannya?**

J: Penerima **SARA untuk Semua** akan menerima bantuan barangan keperluan asas **tanpa tunai (cashless)** secara automatik melalui pengkreditan ke dalam MyKad **penerima**. Barangan runcit asas daripada kategori produk yang diluluskan boleh dibeli di pasar raya / kedai runcit terpilih seluruh negara menggunakan MyKad.

**SARA untuk Semua** adalah secara **one-off** sebanyak RM100 yang boleh dibelanjakan mulai 9 Februari 2026 hingga 31 Disember 2026.

Secara kolektif, sesebuah isi rumah berpeluang menerima jumlah kredit **SARA yang lebih tinggi**. Sebagai contoh, sebuah keluarga yang terdiri daripada sepasang suami isteri dan tiga anak berumur 18 tahun dan ke atas akan menerima jumlah keseluruhan RM500 dan bukannya hanya RM100.

**Bagi penerima SARA sedia ada STR**, pengkreditan kelayakan Februari 2026 SARA sedia ada ke dalam MyKad akan diterima pada awal Februari 2026 manakala tambahan **one-off** sebanyak RM100 pula akan dikreditkan pada 9 Februari 2026. Kelayakan sedia ada serta **one-off SARA untuk Semua** ini boleh dibelanjakan sehingga 31 Disember 2026.

5. S : Berapakah amaun kelayakan SARA untuk Semua yang akan diterima penerima yang layak?

J: Kelayakan amaun **SARA untuk Semua** adalah seperti berikut:

| Kategori Penerima                                                                                                | Kadar Kelayakan                                                                                                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pemegang MyKad Individu - warganegara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas (lahir pada tahun 2008 dan sebelumnya) | Penyaluran <i>One-off</i> sebanyak RM100 pada 9 Februari 2026 (belanja mulai 9 Februari 2026 - 31 Disember 2025) |

6. S: Bagaimanakah cara untuk saya semak kelayakan SARA untuk Semua?

J: Semakan kelayakan **SARA untuk Semua** boleh dibuat melalui kaedah berikut:

| Kaedah Pemakluman                     | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|---------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i. Semakan terus melalui portal rasmi | <b><u>Semakan kelayakan SARA</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>Portal rasmi SARA di <a href="https://sara.gov.my">https://sara.gov.my</a> (mulai 9 Februari 2026)</li></ul> Sekiranya anda tidak tersenarai sebagai penerima <b>SARA untuk Semua</b> , sila kemukakan pertanyaan melalui e-mel <a href="mailto:sara@treasury.gov.my">sara@treasury.gov.my</a> |
| ii. Hubungi                           | <b><u>Semakan pelaksanaan SARA</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>Hubungi MyKasih: 03-7720 1800 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang)</li></ul>                                                                                                                                                                                                             |

7. S: Saya merupakan Warganegara Malaysia namun masih belum memiliki MyKad, adakah saya masih berpeluang menerima SARA untuk Semua?

J: Sekiranya anda memenuhi syarat kelayakan **SARA untuk Semua** namun tidak mempunyai MyKad, anda perlu hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi urusan pemilikan MyKad dan pembelian **SARA untuk Semua** boleh dibuat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026 selepas urusan pemilikan MyKad selesai.

#### B. KAEDAH PELAKSANAAN SARA UNTUK SEMUA

8. S: Di manakah boleh saya rujuk kaedah untuk membeli barangan SARA menggunakan MyKad?

J: Anda boleh semak video tutorial yang disediakan di Youtube <https://youtu.be/ww52tIRzqcc>

9. S: Bilakah SARA untuk Semua akan disalurkan kepada penerima?

J: Penerima **SARA untuk Semua** akan menerima pengkreditan *one-off* sebanyak RM100 melalui MyKad pada **9 Februari 2026** untuk membeli barangan keperluan asas terpilih. Tempoh sah laku **SARA untuk Semua** adalah mulai 9 Februari 2026 hingga 31 Disember 2026.

10. S: Di manakah boleh saya membeli barangan keperluan asas di bawah program ini?

J: Penerima yang layak boleh membuat pembelian barangan asas terpilih di lebih 10,000 Rakan Niaga SARA di seluruh negara termasuk Mydin, Giant, Econsave, The Store, Pacific, Milimewa, 99 Speedmart, Lotus Stores (Tesco), serta pasar raya dan pasar mini bebas. Bilangan Rakan Niaga SARA bukan muktamad dan akan bertambah dari semasa ke semasa

Senarai pasar raya dan kedai runcit terlibat boleh disemak melalui portal rasmi SARA di <https://sara.gov.my>

11. S: Adakah saya boleh membuat pembelian di pasar raya dan kedai runcit luar daripada kawasan tempat tinggal saya?

J: Ya. (Rujuk jawapan soalan 10)

12. S: Apakah barangan keperluan asas yang boleh saya beli?

J: Penerima boleh membeli barangan keperluan asas daripada 15 kategori produk yang diluluskan iaitu **beras, roti, telur, minyak masak, tepung, biskut, mi segera, minuman, makanan dalam tin, bahan perasa, produk kebersihan diri, barangan kebersihan rumah, ubat-ubatan, barangan persekolahan dan makanan sejuk beku.**

Barangan keperluan asas yang terlibat dengan program SARA akan dilabel untuk rujukan penerima.



13. S: Bagaimanakah kaedah pembelian barangan keperluan?

J: Kaedah pembelian barangan keperluan adalah seperti berikut:

|  |                                                                                                                                                                                                                          |
|--|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <p><b>Pilih Barangan Keperluan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Penerima bantuan boleh membeli barangan keperluan berdasarkan 15 kategori produk yang mempunyai label MyKasih di rak tanda harga.</li></ul> |
|--|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

|                                                                                   |                                                                                                                                                                                  |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <b>Tunjuk MyKad Untuk Pengesahan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Juruwang menyemak status MyKad penerima bantuan.</li> </ul>                                          |
|  | <b>Imbas Kod Barangan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Juruwang mengimbas setiap barang keperluan asas yang ingin dibeli mengikut kategori yang dibenarkan.</li> </ul> |
|  | <b>Bayar Menggunakan MyKad</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penerima bantuan menggunakan MyKad untuk mengesahkan transaksi pembelian.</li> </ul>                       |
|  | <b>Simpan Resit Untuk Semakan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penerima bantuan menyimpan resit untuk menyemak transaksi pembelian.</li> </ul>                         |

14. S: Bagaimanakah kaedah semakan baki SARA untuk Semua dalam akaun MyKad penerima?

J: Semakan baki SARA dalam akaun MyKad penerima boleh disemak mulai 9 Februari 2026 melalui kaedah berikut:

i. Semakan portal rasmi SARA:  
<https://sara.gov.my>

ii. Semakan aplikasi MyKasih



iii. Semakan resit pembelian:



Logo MADANI

Jata Negara

Baki semasa SARA dalam MyKad penerima

Jumlah pembelian perlu dibayar

Baki SARA dalam MyKad penerima selepas pembelian

**15. S: Adakah saya perlu bayar lebih amaun sekiranya amaun pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad penerima?**

J: Ya. Pembelian adalah terhad kepada barangan keperluan asas daripada 15 kategori produk yang diluluskan sahaja. Pembelian selain barangan tersebut dan pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad perlu dibayar oleh penerima.

**16. S: Saya tidak menghabiskan baki kredit SARA untuk Semua pada bulan semasa, adakah baki kredit tersebut boleh dibawa ke bulan-bulan seterusnya?**

J: Ya. Baki kredit SARA yang tidak habis digunakan akan dibawa ke bulan-bulan seterusnya. Walau bagaimanapun, sebarang baki kredit yang tidak digunakan sepenuhnya pada akhir tempoh program iaitu 31 Disember 2026 akan digunakan bagi program perlindungan sosial lain pada tahun berikutnya.

**17. S: Adakah kredit SARA untuk Semua mempunyai tarikh luput?**

J: Ya. Tempoh sah laku atau tarikh luput kredit **SARA untuk Semua** adalah pada 31 Disember 2026.

**18. S: Sekiranya penerima SARA untuk Semua sedang berada dalam penjara / pusat serenti / reman penjara / institusi jagaan Kerajaan yang lain ATAU sedang sakit / uzur / OKU ATAU meninggal dunia, bolehkah wakil menerima SARA berkenaan?**

J: Tidak. **SARA untuk Semua** adalah khusus untuk individu berkenaan dan pembayaran di kaunter adalah menggunakan MyKad penerima. Sebarang pembelian yang dibuat oleh individu selain penerima adalah di bawah tanggungjawab penerima itu sendiri.

**19. S: Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya MyKad saya rosak / hilang?**

J: Sekiranya MyKad anda **rosak atau hilang**, anda perlu segera hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berhampiran bagi urusan penggantian MyKad baharu. Pembelian **SARA untuk Semua** boleh dibuat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026 selepas urusan pemilikan MyKad baharu anda selesai.

**20. S: Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program SARA untuk Semua?**

J: Maklumat lanjut berkenaan **SARA untuk Semua** boleh didapati di:  
i. Portal Rasmi SARA, <https://sara.gov.my>; atau  
ii. Hubungi Talian Bantuan MyKasih 03-7720 1800

**21. S: Saya mempunyai pasar raya / kedai runcit dan berminat untuk menjadi Rakan Niaga bagi program SARA 2026. Siapakah yang perlu saya rujuk bagi tujuan tersebut?**

J: Anda boleh berurusan atau menghubungi pihak Yayasan MyKasih melalui emel, [merchant@mykasih.com](mailto:merchant@mykasih.com) untuk penerangan lanjut. Pemilihan Rakan Niaga adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan MyKasih.

**22. S: Berapa lama tempoh masa diambil untuk permohonan menjadi Rakan Niaga SARA diluluskan?**

J: Setelah permohonan bersama dokumen lengkap diterima oleh pihak Yayasan MyKasih, tempoh masa selama 2 minggu diperlukan untuk permohonan berkenaan diluluskan tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

MOF